



Utusan Malaysia

28/09/2011

Page: 27

Section: General News

Region: Malaysia Circulation: 228802

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 83.00 sq.cms

Frequency: MT5WTF5

OSK Trustees Bhd. pemilik sah Putra Place

PUTRAJAYA 27 Sept. - Mahkamah Rayuan hari ini mengesahkan bahawa OSK Trustees Bhd. (OSK Trustees) merupakan pemilik sah kepada pusat komersial, Putra Place selepas menolak rayuan Metroplex Holdings Sdn. Bhd. (Metroplex).

Panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Ramly Ali sebulat suara menolak rayuan Metroplex selepas berpuas hati bahawa semua isu yang dihujahkan oleh peguamnya K. Kirubakaran sudah diteliti dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

Dengan keputusan tersebut, rayuan Metroplex supaya saman pemula syarikat hartanah itu dikembalikan ke Mahkamah Tinggi agar meritnya didengar dan diputuskan, ditolak.

Beliau yang bersidang bersama Hakim Datuk Alizatul Khair Osman Khairudin dan Hakim Anantham Kasinather turut memerintahkan Metroplex menjelaskan kos berjumlah RM200,000.

Dalam rayuan itu, OSK Trustees selaku pemegang amanah bagi Sunway Real Estate Investment Trust (SunREIT) dinamakan sebagai responden pertama manakala Sunway REIT Management Sdn. Bhd. sebagai responden kedua.

Peguam Lambert Rasaratnam mewakili OSK Trustees manakala David Lingam mewakili Sunway REIT Management.

Metroplex merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Jun lalu yang memihak kepada SunREIT berhubung dua saman terhadapnya melibatkan pengambilalihan Putra Place menerusi lelongan awam pada 30 Mac lalu.